

14 SEP 1999

MAHATHIR-MESYUARAT

DR MAHATHIR BERUCAP KEPADA PEMIMPIN PERNIAGAAN M'SIA DI NEW YORK

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual berucap pada mesyuarat pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-A.S. yang dianjurkan bersama oleh Majlis Perniagaan AS-Asean dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), di New York akhir bulan ini.

Asli berkata di dalam satu kenyataan hari ini bahawa Dr Mahathir akan berucap mengenai "Malaysia dan Amerika Syarikat dalam Alaf Baru -- Cabaran-cabaran dan Peluang-peluang".

Lebih daripada 50 pemimpin perniagaan Malaysia akan menyertai kira-kira 150 rakan sejawat Amerika mereka pada mesyuarat itu.

Asli berkata perdana menteri juga dijangka berjumpa secara tertutup dengan sekumpulan kecil ketua eksekutif Amerika pada Dialog Persendirian CEO sebelum mesyuarat Majlis Perniagaan itu.

Antara mereka yang hadir pada dialog itu ialah ketua-ketua syarikat dan pengurus dana utama AS yang bersama-sama menguruskan lebih AS\$1,000 bilion (RM\$3,800 bilion) pelaburan.

Dialog itu akan membolehkan pemimpin-pemimpin perniagaan AS memperolehi penjelasan daripada perdana menteri mengenai pelbagai isu.

Ketua pegawai eksekutif Asli, Datuk Michael Yeoh, yang juga pengarah eksekutif bersama Majlis Perniagaan itu, berkata di dalam kenyataan itu bahawa mesyuarat Majlis Perniagaan itu adalah mesyuarat penting yang pertama para pemimpin perniagaan AS dan Malaysia sejak ucapan Dr Mahathir yang lalu kepada Majlis Perniagaan AS-Asean pada 1996 dan membina Sidang Meja Bulat Perniagaan A.S.-Malaysia yang berjaya yang telah diadakan lebih lima tahun lalu bersama-sama oleh Majlis Perniagaan AS-Asean dan Asli.

Yeoh berkata Sidang Meja Bulat Perniagaan Malaysia-A.S. akan menghimpunkan para pemimpin perniagaan Malaysia dan Amerika untuk membincangkan bagaimana mereka boleh bekerja sama bagi mempertingkatkan perhubungan dua hala, terutamanya di dalam perdagangan, pelaburan, multimedia dan pembangunan sumber manusia.

Antara anggota perwakilan perdagangan Malaysia yang akan menghadiri mesyuarat di New York itu ialah Datuk Alex Lee, pengerusi bersama Majlis Perniagaan Malaysia-A.S; Mirzan Mahathir, presiden dan pengerusi eksekutif Asli; Tan Sri Azman Hashim, pengerusi Arab-Malaysian Group; Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, pengerusi dan presiden Tenaga Nasional Bhd; Tan Sri Tajudin Ramli, pengerusi Malaysia Airlines; Datuk Mohd Azlan Hashim, pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur dan Tan Sri Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation.

-- BERNAMA

MFJ KTC OS